

Jumlah firma sertai MSC lepassi sasaran

BH - 7 SEP 2001

CYBERJAYA, Khamis - Pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) melepasi sasaran apabila 554 syarikat, termasuk 46 bertaraf dunia, beroperasi sehingga 30 Ogos lalu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ketika dibangunkan lima tahun lalu, kerajaan menetapkan sasaran 500 syarikat beroperasi di MSC men-

jelang 2003, tetapi pelaburan dari syarikat besar dan kecil terus diterima.

Malah, katanya, ada syarikat multinasional memilih MSC sebagai pusat operasi penyelidikan dan pembangunan mereka.

"Sebagai contoh Shell yang mempunyai tiga pusat penyelidikan iaitu di Hague, Belanda; Texas, Amerika Syarikat dan yang ter-

besar ialah di MSC," katanya pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC, di sini hari ini.

Mesyuarat tiga hari yang dipengerusikan Perdana Menteri membincangkan pelbagai perkara, termasuk kesan kelembapan ekonomi Amerika.

la dihadiri lapan anggota IAP dan 14 wakil syarikat teknologi

maklumat dan komunikasi (ICT) antarabangsa.

Antaranya ialah Penasihat Kanan Centre for Strategic & International Studies (CSIS), Diana Lady Dougan; Pengarah Urusan Culter & Company Pte Ltd, Dr Terry Cutler; Pengerusi dan Ketua Pegawai Operasi Infosys Technologies Limited, N R

LIHAT MUKA 2

Kadar sewa telefon rendah

DARI MUKA 1

Narayana Murthu; Pengerusi Emeritus NEC Corporation, Datuk Dr Tadahiro Sekimoto.

Prof William F Miller dari Universiti Stanford, Rakan Kongsi Kanan Seinna Ventures, Dr Gilbert F Amelio; Presiden NTT Corporation, Jun-ichiro Miyazu dan Ketua Penyelidik Sun Microsystems, Dr John Gage.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie; Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corp Sdn Bhd (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Berdasarkan perangkaan terbaru MDC, 87

syarikat status MSC terbahit dalam aplikasi khas dan kejuruteraan, aplikasi perniagaan (76), aplikasi am (71), perniagaan berasaskan Internet (68), penyediaan perkhidmatan aplikasi (57) dan penyediaan dalam talian (tujuh).

Perundingan dan sistem integrasi (52), elektronik dan rekacipta pekakasan (30), pendidikan dan latihan (33), perkhidmatan rangkaian dan telekom (29), hiburan (20), data keselamatan serta rangkaian (11) dan pusat sokongan (13).

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, kerajaan tidak bercadang memberi status MSC kepada syarikat yang beroperasi di luar kawasan koridor, walaupun sambutan diterima sekarang menggalakkan.

"Kerajaan sudah membelanjakan wang yang ba-

nyak untuk memajukan MSC dan syarikat yang ingin menerima status MSC belum boleh beroperasi di luar koridor raya," katanya.

Sementara itu, Dr Othman berkata, MSC terus menerima sambutan kerana koridor itu menyediakan pelbagai kemudahan, termasuk kadar sewa dan tarif telefon yang rendah.

Kadar sewa ruang pejabat di MSC hanya 0.75 dolar Amerika (RM2.85) untuk satu kaki persegi.

Sementara itu, ahli IAP, Gougan berkata, Kerajaan Malaysia mengambil langkah bijak apabila menggalakkan lebih banyak syarikat kecil terbahit dalam pembangunan teknologi maklumat di MSC.

Beliau berkata, langkah itu bertepatan dengan pembangunan dan kemajuan teknologi tanpa wayar serta pekakasan telefon terus meningkat.